

Kerajaan akan tetapkan harga baharu topeng muka di bawah RM2

PUTRAJAYA - Kerajaan bersetuju untuk menurunkan harga topeng muka pada satu harga baharu yang akan ditetapkan dalam masa terdekat.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

akan berbincang dengan pihak industri dengan segera.

"Harga topeng RM2 (sekeping) terlalu mahal, maka Mesyuarat Khas Menteri-Menteri berhubung Perintah Kawalan Pergerakan hari ini (semalam) bersetuju harga perlu diturunkan.

"KPDNHEP perlu segerakan agar kita

boleh buat pengumuman dan yang penting mesti di bawah RM2," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata stesen minyak di seluruh negara diwajibkan menyediakan cecair pembasmi kuman bagi kegunaan pemandu yang mengisi minyak. - *Bernama*

